

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	3 APRIL 2015

Dr Mahathir diminta henti kritik pentadbiran Najib

BH - 3/4/2015

» Tindakan bekas PM hanya memburukkan keadaan

Laporan Mohd Azrone Sarabatin dan Haika Khazi
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Tun Dr Mahathir Mohamad diminta menghentikan segera serangan dan kritikan terhadap kerajaan Barisan Nasional (BN) pimpinan Datuk Seri Najib Razak.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Shahidan Kassim berkata, tindakan Dr Mahathir mengkritik Perdana Menteri tidak membantu menyelesaikan masalah terbabit, sebaliknya memburukkan keadaan.

"Saya tahu Dr Mahathir bila beliau menulis sudah tentu berdasarkan fakta dan bukti tertentu.

Bincang secara tertutup

"Dr Mahathir tidak sepatutnya mengkritik pentadbiran Perdana Menteri secara terbuka, sebaliknya ia perlu dilakukan secara tertutup dan perbincangan ahli keluarga," katanya



“**Dr Mahathir tidak sepatutnya mengkritik pentadbiran Perdana Menteri secara terbuka, sebaliknya ia perlu dilakukan secara tertutup dan perbincangan ahli keluarga. Tindakan beliau mengkritik tidak membantu menyelesaikan masalah terbabit**”

Shahidan Kassim,
Menteri di Jabatan
Perdana Menteri



“**Dr Mahathir tidak sepatutnya mendesak Najib meletak jawatan sebagai Perdana Menteri kerana beliau masih mendapat sokongan pemimpin BN dan UMNO. Isu desakan supaya Najib meletak jawatan sebagai Perdana Menteri tidak timbul langsung**”

Nur Jazlan Mohamed,
Ahli Parlimen Pulau

ketika ditemui di lobi Parlimen di sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika mengulas kenyataan terbaru Dr Mahathir yang mengkritik Perdana Menteri menerusi blognya *chedet.cc* di sini, semalam.

Sehubungan itu, Shahidan berkata, beliau meminta Setiausaha Agung BN, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor menjadi orang tengah bagi menyelesaikan masalah terbabit.

PM masih dapat sokongan

Sementara itu, Ahli Parlimen Pulau, Johor, Nur Jazlan Mohamed berkata, Dr Mahathir tidak sepatutnya mendesak Najib meletak jawatan sebagai Perdana Menteri kerana beliau masih mendapat sokongan pemimpin BN dan UMNO.

"Sokongan diberikan pemimpin semua parti komponen BN dan UMNO menggambarkan isu desakan supaya beliau (Najib) meletak jawatan sebagai Perdana Menteri tidak timbul langsung.

"Semua ahli Parlimen BN dan anggota Kabinet masih menyokong Perdana Menteri manakala dari segi sokongan orang ramai hanya dapat dibuktikan pada pilihan raya umum akan datang," katanya ketika ditemui selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) di Parlimen di sini, semalam.

